

Anak ikan yu rezeki terpijak

*Tengku Rosdi
tidak sangka
ikan seberat 4kg
tersangkut di
pukatnya*

HAZELEN LIANA

PASIR MAS

Rezeki Ramadan buat seorang penduduk apabila seekor anak ikan yu seberat 4 kilogram (kg) tersangkut pada pukat yang ditahan di Sungai Kelantan berhampiran Kampung Tepi Sungai Tendong, di sini semalam.

Hasil tangkapan itu disedari oleh Tengku Rosdi Tengku Ismail, 52, apabila mahu mengangkat pukat yang ditahannya itu pada jam 3 petang semalam.

Tengku Rosdi berkata, dia hampir tidak percaya apabila melihat ikan spesis air masin itu boleh tersangkut pada pukat yang ditahannya itu.

“Sebelum ini pernah



Tengku Rosdi menunjukkan anak ikan Yu yang tersangkut pada pukatnya.

memperoleh ikan spesis air masin seperti anak cencaru, anak gelama dan selagit.

“Namun untuk ikan yu ini kali pertama saya mendapat rezeki terpijak itu,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, ikan yu tersebut telah diagihkan kepada ahli keluarga untuk dinikmati bersama sebagai juadah berbuka puasa.

Katanya, dia bercadang untuk memasak hasil tangkapan itu dengan gulai kuning bersama daun kesum.

Tengku Rosdi berkata, menahan pukat merupakan kerja sampingan yang dilakukan untuk memenuhi masa lapang.

Katanya, kebiasaan dia hanya memperoleh ikan sungai seperti baung, kakap dan banyak lagi.